

15 MAR 1999

Hamid-Poland

MALAYSIA DAN POLAND SETUJU TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Poland hari ini bersetuju meningkatkan hubungan dua hala terutama dalam bidang pelancongan dan perkhidmatan udara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Penerbangan Malaysia dan Polish Airline akan mengadakan perkhidmatan udara antara bandar-bandar utama di kedua-dua negara.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sebut elok kalau MAS dan Polish Airline singgah di pusat negara masing-masing," katanya pada taklimat kepada pemberita selepas mesyuarat delegasi antara Malaysia dan Poland di Jabatan Perdana Menteri.

Delegasi Malaysia diketuai Dr Mahathir manakala Presiden Poland Aleksander Kwasniewski mengetuai delegasi negaranya.

Syed Hamid juga berkata Poland telah menawarkan untuk menjual senjata seperti kereta perisai kepada Malaysia.

"Kita beritahu keadaan ekonomi sekarang tidak mengizinkan. Ia bergantung kepada keadaan ekonomi," katanya.

Syed Hamid juga berkata Dr Mahathir memberi taklimat mengenai pengalaman Malaysia menangani krisis ekonomi dan usaha-usaha yang dilakukan oleh G-15 and G-22.

"Beliau (Presiden) ingin tahu pengalaman Malaysia. Perdana Menteri menjelaskan tentang kawalan mata wang dan kawalan modal pilihan yang dibuat Malaysia," katanya.

Pada pertemuan itu juga, Kwasniewski, yang dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia, turut menerangkan mengenai keadaan di Kosovo dan Dr Mahathir mengambil kesempatan itu menyatakan rasa kecewa kerana tiada penyelesaian terhadap konflik itu.

Syed Hamid berkata kedua-dua negara juga bersetuju kerjasama lebih erat diadakan dalam bidang kebudayaan, terutama muzik.

Katanya, Presiden Poland itu pernah melawat Malaysia 11 tahun lepas dan beliau tertarik dengan pencapaian Malaysia.

Beliau turut menjemput Dr Mahathir melawat Poland, katanya.

Pada sebelah pagi, Presiden Poland dan isteri Jolanta Kwasniewski diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen.

Beliau disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

-- BERNAMA

AR AKD